

Malaysia, Jamaica setuju teroka minyak, gas bersama

UM - 4/5/2006

Kami prihatin kesan kenaikan kos tenaga terhadap pembangunan ekonomi dan menyedari keperluan mempelbagaikan sumber tenaga

PORTIA SIMPSON MILLER
Perdana Menteri
Jamaica

Daripada MOHD KAMIL YUSUFF

diberi sambutan rasmi di Lapangan Terbang Antarabangsa Norman Manley sebelum mengadakan pertemuan dengan Miller.

Ini adalah lawatan rasmi pertama Abdullah ke negara ini atas undangan Miller yang baru sahaja mengambil alih pentadbiran daripada P.J Patterson akhir Mac lalu.

Rombongan Perdana Menteri disertai oleh Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S. Samy Vellu, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

Jamaica, negara kelahiran Raja Raggae, Bob Marley ini mempunyai 2.7 juta penduduk dan merupakan pengeluar utama bauksit (aluminium) dunia, manakala industri pelancongan menjadi antara penyumbang utama kepada tukaran wang asing. Ia juga terkenal di bidang sukan khususnya dalam acara trek.


Dalam perbincangan itu, pelbagai perkara menyentuh kepentingan bersama dibincang, antaranya pelaburan dan perdagangan, tenaga, infrastruktur, pertanian, sukan serta hal ehwal antarabangsa.

Kedua-dua pemimpin itu juga bersetuju beberapa langkah perlu diambil untuk meningkatkan peluang perniagaan, perdagangan dua hala dan pelaburan.

Mereka sepakat mengenai keperluan sektor swasta kedua-dua negara memainkan peranan ke arah itu.

Menurut Abdullah, Jamaica juga bersetuju untuk menyediakan peluang belajar kepada pelajar-pelajar Malaysia di bidang perubatan di Universiti West Indies, selain meningkatkan kerjasama di bidang pertanian.

Di bidang infrastruktur pula, kedua-dua



ABDULLAH Ahmad Badawi pada perjumpaan empat mata dengan rakan sejawatannya Portia Simpson Miller semasa kunjungan hormat di pejabat Perdana Menteri itu, di Kingston, semalam.

negara sedang mengenal pasti beberapa bidang yang boleh diberi tumpuan kerjasama khususnya dalam bidang pembinaan jalan.

Pada masa ini, Malaysia dan Jamaica berjaya mengadakan kerjasama membina lebuh raya 'Highway 2000' sejauh 230 kilometer menghubungkan Kingston dan Montego Bay, sebuah kawasan pelancongan terkenal di negara itu.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama di bidang sukan akan diberi tumpuan utama memandangkan ia memainkan peranan penting mewujudkan perpaduan dan

masyarakat yang berdisiplin.

Sehubungan itu, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk mengadakan memorandum persefahaman (MoU) di bidang sukan termasuk kerjasama bagi trek dan padang serta bola jaring yang Jamaica mempunyai kepakaran dan badminton, sukan yang dikuasai oleh Malaysia.

Dalam perbincangan yang disertai oleh tiga orang Menteri Kabinet Malaysia dan beberapa orang Menteri Kabinet Jamaica itu, kedua pihak juga menyentuh mengenai perkembangan semasa hubungan antarabangsa.